



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester III, Sesi Akademik 2015/2016

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SC 0304

**Nama Kursus : Pengenalan Kepada Sistem
Perundangan Islam**

**Peringkat Kursus : Sijil Sistem Keadilan Jenayah
Syariah**

Masa : 3 jam

Nota :

1. Jawab semua soalan dalam buku jawapan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi TIGA bahagian. Jawab semua soalan dari bahagian A dan bahagian B, dan jawab dua soalan sahaja dari bahagian C.

بسم الله الرحمن الرحيم

BAHAGIAN A

Pilih jawapan yang betul.

- 1) Kitab _____ diturunkan kepada Nabi Musa ‘alaihi salam dalam bahasa Ibrani.
 - a. al-Quran
 - b. Taurat
 - c. Zabur

- 2) Agama _____ dibawa oleh Nabi _____ bagi meleraikan perselisihan orang-orang Yahudi.
 - a. Yahudi, Nabi Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam
 - b. Islam, Nabi Daud ‘alaihi salam
 - c. Nasrani, Nabi Isa ‘alaihi salam

- 3) Lima keperluan asasi yang perlu dititik beratkan ialah menjaga _____
 - a. agama, jiwa, akal, zuriat keturunan, dan harta
 - b. agama, pekerjaan, keluarga, harta, dan kesihatan
 - c. agama, kediaman, maruah, kewangan, dan keluarga

- 4) Syariah mengharamkan meminum arak adalah contoh keperluan _____
 - a. Tahsiniyyat
 - b. Hajiyyat
 - c. Daruriyat

- 5) _____ bermaksud memenuhi keperluan kelapangan sekaligus melepaskan belenggu kesempitan.
 - a. Hajiyyat
 - b. Daruriyyat
 - c. Tahsiniyyat

6) 'al-Quran al-Karim bermaksud kalam Allah _____

- i. Diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam
 - ii. Lafaznya di dalam bahasa Arab
 - iii. Diturunkan melalui perantaraan Jibril
 - iv. Dipindahkan dengan jalan mutawatir
-
- a. Semua jawapan di atas
 - b. i , iii dan iv
 - c. i , ii dan iii

7) Sunnah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu _____

- a. Sunnah Qauliyah, Sunnah Sahih, dan Sunnah Dhaif
- b. Sunnah Qauliyah, Sunnah Fi'liyah, dan Sunnah Taqririyyah
- c. Sunnah Qauliyah, Sunnah Maudhu'iyyah dan Sunnah Taqririyyah

8) _____ bermaksud kata sepakat ulama mujtahid daripada umat Islam sama ada dalam bentuk iktikad, kata-kata atau perbuatan untuk mengeluarkan hukum yang berlaku selepas kewafatan Nabi Sallallahu 'alaihi Wasallam.

- a. Masalah Mursalah
- b. Qaul Sahabi
- c. Ijma'

9) Rukun Qiyas ada _____ iaitu: _____

- a. Lima; illah, qias khafiy, hukum asal, asal dan furu'
- b. Empat; Asal, hukum asal, furu' dan 'illah
- c. Tiga; Asal, hukum asal, furu'

10) Istishab dianggap sebagai hujjah dalam perundangan Islam menurut _____

- a. Ulama Hanafi dan sebahagian ulama Shafi'i
- b. Mazhab Hanafi, Shafi'i dan pendapat terkuat Imam Ahmad.
- c. Ulama mazhab Maliki, Shafi'i, Hanbali dan Zahiri

11) Ijtihad Sayyinda Umar al-Khattab mengadakan matawang rasmi negara adalah contoh bagi sumber hukum _____.

- a. Masalah Mursalah
- b. Istihsan
- c. Uruf

12) _____ bermaksud mencurah tenaga sebanyak-banyaknya untuk mendapatkan hukum syara' berbentuk amali dengan cara istinbat daripada sumber-sumber syara'.

- a. Mujtahid
- b. Ijtihad
- c. Mufti

13) Talfiq terbahagi kepada dua bahagian iaitu: _____

- a. Talfiq sarih dan talfiq sukut
- b. Talfiq dalam ijтиhad dan talfiq taqlid
- c. Talfiq dalam ijтиhad dan talfiq antara dua mazhab

14) Antara kaedah usul fiqh yang dijadikan perantaraan untuk mengeluarkan hukum-hukum syara' berbentuk amali daripada dalil-dalil tafsili ialah _____

- a. الْأُمُور بِعَاصِدَهَا (Perkara itu bergantung kepada maksudnya)
- b. الْمُشْكَنَة بِحَلْبِ التَّيْسِير (Kesulitan dapat membawa kepada kemudahan)
- c. كُلْ أَمْرٍ لِلْوَجُوب (Setiap perintah adalah wajib)

15) Pihak yang memberi fatwa dalam istilah Usul Fiqh dinamakan _____ dan pihak yang meminta fatwa disebut _____.

- a. Mufti; al-Mustafti
- b. Mufti; Fatwa
- c. Mufti; Ifta

(15 markah)

BAHAGIAN B

Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

1. Apabila timbul permasalahan, dan para sahabat susah untuk berbincang kerana jarak yang jauh antara satu sama lain telah membawa kepada kemunculan dua aliran iaitu aliran _____ dan aliran _____.
2. Imam Malik Rahimahullah mengambil amalan ahli _____ sebagai sumber dalam penetapan hukum syara'.
3. Nama sebenar Imam _____ ialah Nu'man bin Tsabit.
4. Selain mengutamakan al-Quran, Sunnah, Ijma', Qiyas dan Qaul Sahabi, mazhab Hanbali juga menggunakan Hadis _____ dan Hadis _____.
5. Kitab _____ karangan Imam Mslik adalah kitab yang mengandungi sejumlah besar hadis sahih dan menjadi rujukan utama ahli hadis dan fiqh.
6. Imam Ahmad dinamakan sebagai Imam Hanbali yang dinisbahkan sempena nama datuk beliau iaitu _____.
7. Mazhab _____ sangat terkenal diamalkan di kalangan orang Islam Sunni Mesir, Turki, sub-benua India dan sebahagian Afrika Barat.
8. _____ bermaksud jalan fikiran atau kefahaman yang dibawa oleh tokoh perundangan Islam bersumberkan al-Quran dan Sunnah.
9. Sejumlah _____ suhuf dikurniakan kepada nabi Syith dan 30 suhuf kepada nabi _____.
10. _____ menduduki tempat kedua selepas al-Quran al-Karim dalam perundangan Islam.

11. Ijma' _____ bermaksud semua ulama mujtahidin bersepakat mengeluarkan hukum yang serupa sama ada melalui kata-kata, fatwa, hukum mahkamah atau amalan perbuatan.

12. Matlamat umum syariah dapat dibahagi kepada dua iaitu menjaga _____ dan membendung kerosakan.

(15 markah)

BAHAGIAN C

Jawab dua sahaja dari soalan-soalan berikut

Soalan Pertama (15 markah)

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan Syariah dan nyatakan lima (05) sahaja ciri-ciri keistimewaannya. (10 markah)

(b) Apakah perbezaan di antara Syariat Islamiyah dengan Fiqh?

(5 markah)

Soalan Kedua (15 markah)

(a) Tuliskan secara ringkas riwayat hidup Imam Shafi'i dan nyatakan sumbangan beliau dalam perundungan Islam. (10 markah)

(b) Berikan faktor-faktor perselisihan pendapat dalam kalangan imam mujtahidin.

(5 markah)

Soalan Ketiga (15 markah)

(a) Jelaskan sejarah pembinaan hukum pada zaman Nabi Muhammad Sallahu 'alaihi Wasallam di Mekkah dan Madinah.. (10 markah)

(b) Nyatakan ciri-ciri keistimewaan pembinaan hukum syara'.

(5 markah)

بالتوفيق والنجاح